

Tahun baharu, semangat baharu

Marilah kita bermuhasabah diri untuk memperbaiki kesilapan

TAHUN 2014 baru melabuhkan tirainya dan 2015 sudah menyuakan wajahnya. Bagi kebanyakan kita, 2014 terasa begitu cepat berlalu kerana kita terlalu sibuk dengan urusan harian. Banyak yang telah kita lalui dan semua itu adalah asam garam kehidupan bagi kita semua.

Sebagai hamba Allah, kita sentiasa akur dengan segala ketetapan yang telah ditentukan-Nya. Tahun 2014 telah kita lalui dengan pelbagai kenangan pahit manis. Bagi yang melangsungkan perkahwinan, 2014 akan menjadi tahun paling penting dalam hidup mereka kerana inilah tahunnya mereka membina hidup baharu sebagai suami isteri.

Ada yang setelah bertahun berkahwin, dengan takdir Allah SWT baru dapat menimang anak. Ada keluarga yang sangat gembira kerana anak sulung mereka tamat pengajian dari institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan atau luar negara atau memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ditawarkan belajar dengan biasiswa penuh ke luar negara.

Tentunya 2014 sangat bermakna bagi mereka. Ada juga yang berpeluang berpindah ke rumah baharu setelah lama menyewa. Ada juga yang menambah masalah baharu seperti menambah isteri dan berkahwin secara rahsia. Keseronokannya sementara dan pastinya 2015 menanti untuk "gunung berapi meletup."

Kita juga akan mengingati 2014 sebagai tahun kedukaan bagi seluruh rakyat Malaysia apabila kita kehilangan dua pesawat MAS iaitu MH370 dan MH17. MH370 hilang dan masih dicari dan MH17 jatuh berkecai dan tiada seorang pun dapat diselamatkan. Kita sebak melihat kesedihan keluarga mangsa MH17 yang kehilangan ahli keluarga tercinta. Tidak dapat diceritakan kesedihan mereka dan kita hanya mampu bersimpati dan memahami.

Kita terus berdoa kepada Allah SWT semoga keluarga mangsa MH370 akan terus tabah kerana hingga kini mereka masih tidak tahu secara jelas apakah yang terjadi kepada pesawat tersebut. Bagi yang kehilangan ahli keluarga kerana kematian tentu jauh berbeza dengan kehilangan ahli keluarga kerana perceraian.

Bercerai mempunyai kesan buruk kepada sesiapa sahaja yang melaluinya walaupun kepada pihak yang memohon untuk bercerai. Ada isteri memohon untuk dicerai kerana sudah terlalu lama menderita dalam perkahwinannya.

Belum sampai tiga tahun berkahwin, suami telah mula berubah perangai. Sering

fiqh munakahat

Bersama **PROF. DATIN NOOR AZIAH MOHD. AWAL**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UKM serta Profesor Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, UKM & Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia, (Yadim). Boleh dihubungi di naha61@gmail.com

balik lewat atau lebih suka menghabiskan masa dengan kawan-kawannya sama seperti semasa bujang dahulu. Suami juga mula mengabaikan tanggungjawabnya sebagai suami. Duit dapur menjadi kurang, maka isteri terpaksa menampung.

Resah gelisah isteri akhirnya terjawab kerana suami sudah mula berjinak dengan wanita lain. Hancur luruh hatinya dan dia mengambil keputusan untuk dicerai. Suami terkejut dengan tindakan isteri. Dia tidak menyangka isteri akan memohon cerai. Baginya, keterlanjurannya adalah kesalahan kali pertama yang sepatutnya boleh dimaafkan.

Puas suami memohon maaf dan memujuk isteri kembali, namun dia tetap mahu bercerai walau di sudut hatinya masih amat menyintai suaminya. Sakit hati yang tidak dapat diubah menyebabkan dia meneruskan permohonannya tanpa mengira kebajikan anak kecilnya yang baru berusia setahun setengah.

Akhirnya, suami melafazkan talak dengan hati yang berat. Menyesal dahulu pendapatan, menyesal kemudian tiada berguna. Bagi sang isteri, dia pulang dengan hati yang hancur kerana akhirnya dia dapat apa yang dia minta tetapi dia tidak bahagia.

MAIN KAYU TIGA

Ada juga kes isteri memohon cerai kerana ia sudah ada pilihan lain. Ini bukan perkara baharu di Malaysia. Jika dulu hanya lelaki yang dipersalahkan apabila berlaku keruntuhan rumah tangga, namun kini ada juga isteri yang menyumbang kepada permasalahan tersebut.

Ada isteri yang bermain kayu tiga di belakang suaminya. Di rumah dialah isteri solehah yang penat mengurus rumah sambil dia juga bekerja. Suami belas kasihan melihat isterinya saban hari sibuk di tempat kerja dengan kerja lebih masa untuk membantu pendapatan keluarga.

Suami yang lurus ini membantunya di rumah menjaga anak tetapi suatu hari mendapat tahu isteri keluar bersama lelaki lain. Tercabar kesabaran suami dan ketika menangkap isteri bercumbuan dengan lelaki lain, talak terlafaz daripada mulutnya. Mereka bercerai dan 2014 adalah saksi keruntuhan sebuah mahligai.

Ada juga suami berpoligami dengan sembunyi-sembunyi dan tidak berniat memberitahu isteri pertama. Dia langsung tidak menunjukkan sebarang tanda beristeri lagi dan isteri amat mempercayainya. Dia percaya rahsiannya akan tersimpan sampai bila-bila.

Namun isteri keduanya yang mencari isteri pertama, memaklumkan perkahwinan mereka kerana dia mahu mendaftar perkahwinannya kerana telah mengandung. Jika tidak, dia akan kehilangan haknya.

Walau setinggi mana pun pendidikan agamanya, dia tidak akan dapat bersabar dan perceraianlah yang akan dipintanya. Sungguhpun banyak kali disebut bahawa poligami bukan alasan untuk isteri memohon cerai, namun isteri pertama akan tetap memohonnya.

Kebiasaannya dia mohon untuk ditalak kerana hatinya sudah tawar terhadap suami. Ada isteri pertama memohon cerai kerana ia sudah tidak bernafsu terhadap suaminya dan merasa jijik berkongsi suami dengan orang lain. Perceraian seperti ini akan memberi kesan kepada anak-anak tidak mengira umur mereka.

Anak-anak terganggu kerana ibu akan menjadi terlalu sensitif, menangis dan enggan makan. Ayah pula menjadi pembengis kerana merasa dirinya tercabar dengan perangai isterinya. Siapa pun yang bersalah, dalam perkahwinan sikap tidak mahu beralah dan sering salah menyalahkan antara satu lain, akan memudaratkan anak-anak.

Mereka membesar dengan rasa kecil hati dan sentiasa rasa bersalah kerana mereka menjangkakan ibu bapa mereka bercerai kerana mereka. Ada ibu atau bapa yang terlepas kata menyalahkan anak-anak misalnya dengan kata-kata, "Ini sebab kaulah mama dan papa berpisah" atau "kau memang anak tak guna, sebab tu mak kau tinggalkan kita."

Ada juga pasangan yang telah lama bercerai dan menjalani hidup masing-masing agak lama dan setelah anak-anak dewasa, baru berani bersua muka kerana anak hendak berkahwin. Pasangan suami isteri lupa bahawa walaupun mereka telah bercerai, mereka tetap perlu bersua muka dan berbicara terutama apabila anak hendak berkahwin.

